Pencirian saiz zarah menjadi pertimbangan penting bagi kepadatan dan proses pencampuran homogen dengan serbuk elemen utama. Rumpf (1990) mengatakan bahawa nisbah saiz zarah semasa proses pencampuran adalah penting kerana elemen utamanya yang sedikit dan tindak balasnya dengan elemen utama. Selain itu, Tummler (1993) menyatakan bahawa taburan saiz zarah serbuk boleh juga merubah kuasa kinetik pemanasan yang diabaikan dan saiz taburan serbuk mempunyai kecepatan kinetik pemanasan dibandingkan dengan jisim serbuk yang dibuat secara kasar.

Di samping itu, Arai (1996) mengatakan bahawa serbuk mempunyai pengaruh terhadap susunan butiran zarah semasa menghablur. Mikro struktur zarah dimulakan dengan pemprosesan serbuk, komponen yang mengarah ke pemilihan tahap penggabungan seterusnya hingga menjadi susunan atom suatu bahan. Hal ini turut disokong oleh Bosh (1995) yang menyatakan bahawa struktur susunan zarah pada sesuatu bahan sangat mempengaruhi proses pensinteran, suhu lebur bahan dan juga liang seni semasa proses pepadatan.

Akhir sekali, Kalpakjian (1995) menyatakan bahawa terdapat tiga struktur kerencaman dasar dalam bahan: kiub berpusat jasad, kekisi kubus berpusat muka, dan struktur terpadat rapat heksagon. Selain itu, struktur kerencaman tidak sempurna dipengaruhi oleh bendasing dan batasan butiran zarah. Smith (1997) juga mengatakan bahawa sifat dan perlakuan bahan bergantung pada struktur rencaman seperti saiz butiran, luas dan sifat batasan butiran zarah yang rosak. Vlack (1998) pula menyatakan bahawa butiran zarah mempunyai pengaruh penting terhadap kemuluran dan kekuatan logam. Manakala batasan antara butiran zarah pula mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keterikan struktur. Hal ini kerana ia lebih bertindak balas, jika dibandingkan dengan butiran zarah.

2.2 Proses Pencampuran Mekanik

Proses pencampuran mekanik adalah suatu proses pembuatan spesifik yang boleh digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis bahan dengan komposisi dan struktur mikro yang berbeza. Proses ini pada umumnya melibatkan pencampuran dua atau lebih elemen zarah halus, dengan menggunakan yang berkuasa tinggi sebagai pengisar, contohnya pengisar bebola (Courtney dan Maurine, 1996, Suryanarayana, 2001, Chen et al. 2005). Campuran yang dikisar akan menghasilkan zarah halus, yang akan menyerpih dan mengimpal. Proses pengisaran mempunyai hubungan dengan masa yang diperlukan

untuk komposisi campuran mencapai keadaan homogen. Oleh itu, pencampuran mekanik merupakan proses yang kompleks dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan beberapa faktor penting seperti jenis pengisar, bahan yang digunakan dan pembolehubah semasa proses pengisaran (Huang et al. 1998, Gavrilov, 1999, Suryanarayana, 2001 dan Chen et al. 2005).

2.3 Jenis Alatan Pengisar

Terdapat pelbagai jenis alatan pengisar yang boleh digunakan untuk menghasilkan elemen serbuk. Pemilihan alatan pengisar bergantung pada fungsi kegunaan, kapasiti, kecekapan pengisar, dan halaju operasi. Suryanarayana (2001), menyatakan bahawa terdapat tiga jenis pengisar yang lazim digunakan, iaitu pengisar goncang model SPEX, pengisar model bebola planet dan pengisar pengikis.

Jenis pertama, pengisar goncang model SPEX merupakan pengisar bergetar yang menggunakan gerakan goncangan ke belakang dan ke depan secara mendatar. Ia mampu mengisar hingga 10 – 20 gram serbuk secara berterusan. Ia juga banyak digunakan untuk penyaringan campuran dan penelitian makmal. Kebanyakan penyelidik menggunakan pengisar jenis ini untuk kajian aspek asas dengan alat pencampuran mekanik. (Chen et al. 2005, Ward et al 2005 dan Gavrilov et al. 1999). Walau bagaimanapun, Courtney dan Maurice (1996) menyatakan bahawa pengisar ini belum mempunyai kecekapan yang baik, walaupun halaju goncangannya berelatif tinggi. Sementara itu, Huang et al (1996) telah mereka bentuk alatan baru berdasarkan konsep pengisar goncang untuk penyelidikan yang sederhana. Alatan ini menggunakan mekanik engkol geser yang merupakan pergerakan bentuk sinus secara menegak. Hal ini bagi membolehkan konsep yang sederhana dan keadaan dinamis yang boleh dikawal. Selain itu, Zhi et al. (2008) menyatakan ujian yang menggunakan satu atau ekabebola di dalam jar pengisar menunjukkan bahawa parameter frekuensi jerayun getaran dan daya hentaman bebola sangat dipengaruhi oleh jenis, isipadu dan jisim serbuk yang dikisar. François et al. (2009) menyatakan parameter pembolehubah proses pengisaran dipengaruhi oleh jisim dan nilai pekali pemulihan bebola. Selain itu, jenis isipadu butiran zarah berpengaruh terhadap kesan proses pengisaran. Toraman et al. (2010) menyatakan taburan hasil proses pengecilan saiz butiran zarah pada proses pengisar jenis menegak dipengaruhi oleh beberapa parameter seperti masa proses pengisaran, halaju putaran pengisar, nisbah isipadu bahan butiran zarah dan bebola pengisar.

Jenis kedua, pengisar model bebola planet juga banyak digunakan dalam kerja penyelidikan. Ia mampu mengisar beberapa ratus gram bahan secara berterusan. Konsep pengisar ini adalah gerakan

seperti planet. Ia menggunakan pelbagai saiz bebola keluli tertentu untuk pengisaran. Semasa proses pengisarannya, bebola keluli berputar mengelilingi dasar dan dinding di dalam pot bekas pengisar, yang diletakkan dan diputar oleh cakera. Mio et al (2002), Kano dan Saito (1998), Magini dan Iasonna (1996), dan Feng et al (2004) menggunakan pengisar bebola planet dalam penyelidikan mereka. Mio et al (2002) pula menggunakan tiga model pengisar bebola planet, iaitu model bebola Pulverisette 7, Model bebola Pulverisette 5, dan pengisar model PM-1200. Kano dan Saito (1998) menggunakan model bebola Pulverisette 7. Sementara itu, Magini dan Iasonna (1996) menggunakan model bebola Pulverisette 5. Mio et al (2002), membuktikan bahawa tenaga hentaman daripada dua hala putaran yang berbeza menyebabkan pengisar ini memiliki signifikan yang lebih tinggi dibandingkan dengan satu hala putaran yang biasa. Jun et al. (2010) menyatakan bahawa operasi sistem pengisaran menggunakan bebola dipengaruhi beberapa faktor seperti reka bentuk sistem kawalan, keadaan sistem pengisar dan jenis butiran yang dikisar.

Raj et al (2000) membincangkan pengisar model pengikis. Jenis pengisar ini dikelompokkan sebagai pengisar bebola, pengisar planet, dan pengisar getar. Pengisar model pengikis menggunakan bebola keluli yang berputar mengelilingi dasar dan sekatan di dalam pengisar yang bergetar secara menegak. Serbuk yang dikisar memperoleh daya hentaman daripada bebola keluli yang berputar mengelilingi sekatan pada pengisar. Selain itu, arah getaran menegak bekas pengisar menggoncang bebola keluli menghentam serbuk logam yang berada di dasar bekas pengisar. Dalam proses pengisar model pengikis, terjadi daya hentaman ganda iaitu antara bebola keluli dan dinding pengisar. Robert et al. (2009) mengkaji pengaruh halaju putaran, muka geseran pengisaran dan isipadu butiran zarah terhadap masa pengecilan saiz butiran zarah. Selain itu, didapati juga bahawa jenis butiran zarah dan pelanggaran di antara butiran zarah semasa proses pengisaran turut berpengaruh terhadap masa pengisaran. Selain itu, Gangquan et al. (2009) turut membuktikan bahawa proses pengisaran yang dipengaruhi taburan frekuensi getaran komponen yang tidak berkesan, berbeza pada lebar dan tinggi graf daya hentaman bebola hasil ujian menggunakan alatan pengukuran dinometer. Pada graf hasil ujian didapati bahawa lekuk di antara ketinggian getaran daya hentaman bebola yang memperlihatkan ciri proses pengisaran yang tidak berkesan. Heng et al. (2010) mengkaji beberapa faktor pengaruh terhadap proses pengisaran, iaitu masukan kuasa pada motor elektrik sebagai pemicu jerayun getaran pada pengisar kerana berpengaruh terhadap daya hentaman bebola. Naoya et al. (2010) mendapati bahawa proses pengecilan saiz butiran zarah menggunakan saiz bebola yang lebih kecil adalah lebih berkesan dalam keadaan basah jika

dibandingkan dengan dalam keadaan kering. Selain itu, pencirian hasil taburan proses pengecilan saiz butiran zarah dalam keadaan basah lebih maksimum.

2.4 Jenis Kajian Alatan Pengisar

Kajian yang sering dilakukan adalah teknik ujikaji, simulasi, dan bernombor. Teknik ujikaji boleh dilakukan dengan menggunakan jenis pengisar yang dibincangkan di bahagian 2.2. Sementara itu, teknik simulasi boleh dilakukan dengan menggunakan perisian yang sesuai dengan alatannya. Perisian yang sudah maju membolehkan kreativiti reka bentuk lengkap dan alatan analisis untuk simulasi pengisar bebola, yang memungkinkan kecekapan pengisar yang optimum. Simulasi banyak digunakan untuk menganalisis sistem yang dinamik. Analisis terhadap gerak sesuatu alatan seperti media gerakan bebola di dalam agihan jar dan zarah merupakan masalah dinamik yang utama, yang masa gerakan bebola menjadi fokus utama.

Chen et al. (2005), mengkaji pengisar bebola model SPEX 8000 menggunakan tiga posisi darjah kemiringan gerakan jar, pemodelan dan analisis penghitungan gerakan bebola pengisar, nilai kuasa yang hilang pada bebola pengisar daripada pelbagai saiz dan jisim bebola dan jumlah kuasa bebola pengisar serta nisbah jisim serbuk untuk pengisian pengisaran. Analisis pengisar model SPEX 800 menggunakan perisian Kaedah Elemen Diskret (Discrete Element Methode, DEM) dan penghubungkaitan skala spesifik di antara ujikaji dan pemodelan. DEM ialah satu daripada kaedah yang popular dan anjal untuk simulasi perlakuan zarah yang padu. Selain itu, Kano dan Saito (1998) turut mengkaji nilai serbuk untuk dikisar melalui pengisar bebola model planet, dengan analisis spesifik kuasa hentaman pada bebola pengisar, menggunakan perisian DEM.

Feng et al. (2004), mengkaji pengisar bebola model SPEX terhadap kedinamikan proses bebola pengisar, alatan, pencirian serbuk logam, jisim bebola dan nisbah jumlah serbuk logam pengisaran serta halaju pengisaran. Analisis penghitungannya juga menggunakan perisian DEM.

Gavrilov et al. (1999), mengkaji pengisar goncangan bebola menjadi dua bahagian, iaitu simulasi dinamik pada pengisar dan simulasi model dinamik pada hentaman bebola, jumlah kuasa kinetik dan nilai kuasa yang hilang, pada sistem pengisar yang meliputi frekuensi dan jerayun pada getaran goncangan.

Raj et al. (2000), mengkaji sistem pengisar bebola model planet dan goncangan, hitungan kuasa hentaman bebola pengisar merupakan gabungan pengisar bebola model planet dan goncangan pada

frekuensi hentaman serta keamatan hentaman menggunakan DEM bersama dengan teknik ujikaji. Selain itu, Hoon et al.(2010) yang mengkaji parameter uji pengisaran getaran berbanding dengan model yang menggunakan pelbagai halaju putaran, mendapati bahawa bekas pengisar dan diameter bebola didapati hasil taburan pengecilan saiz butiran zarah yang selari.

Daripada simulasi, sebuah model matematik, boleh dibangunkan untuk menggambarkan penemuan dan hasilnya. Huang et al. (1997) di dalam kajian mereka menyebutkan tentang jerayun getaran, tenaga hentaman, dan juga merumuskan suatu-persamaan untuk model simulasi mereka. Selain itu, Huang et al. (1997) dalam penyelidikan simulasi dan hasil penemuan berangka dengan menggunakan teknik songsang. Mereka juga menggunakan kaedah kecekapan untuk membuktikan parameter yang ditemui dalam sistem mekanik. Kano dan Saito (1998) menggunakan rumus tenaga hentaman di antara dua bebola dan nilai saiz isipadu zarah melebihi batas pengisaran. Sementara itu, Mio et al. (2002) menggunakan rumus nisbah halaju genting daripada data simulasi dan uji kaji bagi memperoleh angka yang signifikan. Chen et al. (2005) juga menggunakan rumus untuk tumbukan daripada bebola ke bebola, dan bebola ke dinding silinder, isipadu pengisar, dan penjelmaan zarah semasa proses pengisaran bagi memperoleh nilai tenaga hentaman bebola pengisar yang berkesan. Donghui et al. (2009) mengkaji hasil proses pengisaran sangat dipengaruhi pembolehubah yang boleh dikawal saling berhubungkait. Oleh itu, bagi mengetahui kualiti hasil yang berkesan, maka pembolehubah harus dikawal secara matematik. Salina et al. (2010) menyatakan goncangan ekabebola dalam jar keadaan menegak, menunjukkan bahawa jerayun bebola maksimum berpengaruh terhadap daya perlanggaran pada bahagian bawah jar adalah signifikan. Selain itu, halaju putaran boleh dikawal kerana apabila jerayun bebola bertambah, maka daya perlanggaran meningkat dan tenaga pengisar semakin berkesan. Jian et al. (2010) mendapati bahawa pada dasarnya, proses pengisaran kering dan basah adalah berbeza, kerana pengisian isipadu dan parameter butiran zarah dalam proses pengisaran kering tidak dapat berlaku dalam proses pengisaran basah. Selain itu, Mohammadi et al. (2009) menyatakan parameter masa pengisaran, halaju putaran dan jisim bebola sangat berpengaruh terhadap proses pengecilan saiz butiran zarah.

2. 5 Pembolehubah Proses Pengisaran

Proses pengurangan saiz butiran serbuk logam secara mekanik dipengaruhi oleh beberapa pembolehubah. Oleh itu, halangan utama bagi para penyelidik adalah memahami dan meneliti kemajuan campuran mekanik sebagai teknik pemprosesan bahan. Umumnya, para penyelidik meneliti banyak jenis

pdfMachine

A pdf writer that produces quality PDF files with ease!

Produce quality PDF files in seconds and preserve the integrity of your original documents. Compatible across nearly all Windows platforms, if you can print from a windows application you can use pdfMachine.

Get yours now!

proses parameter seperti dos pengisaran, bekas pengisaran, halaju pengisaran, masa pengisaran, pekali pemulihan, dan jenis dimensi, Seperti yang dibincangkan di bahagian 2.3, pembolehubah dalam proses campuran mekanik merupakan salah satu faktor yang perlu diambil kira dalam mereka bentuk sistem pengisar, boleh didasarkan pada teknik model ujikaji, simulasi, dan berangka. Terdapat pelbagai pembolehubah dalam proses penelitian dan hasil ujikaji bagi menyokong reka bentuk teknik baru dalam proses pengurangan saiz serbuk secara mekanik.

2. 5. 1 Dos Pengisaran

Hashimoto dan Watanabe (1995) mengkaji pengisar bebola getaran dan menunjukkan bahawa ketika dos pengisaran meningkat, purata halaju hentaman –memiliki penurunan frekuensi. Peng et al. (2009) mendapati bahawa jerayun bekas pengisar maksimum dan keadaan sudut geseran jerayun bebola berpengaruh terhadap daya proses pengecilan saiz butiran zarah di dalam bekas pengisar. Selain itu, penurunan sudut jerayun bebola berlanggar semakin kecil selari dengan penambahan isi butiran saiz zarah. Oleh itu, butiran saiz zarah yang akan dikisar perlu dikira secara teori. Selain itu, Huang et al. (1998) melakukan ujikaji menggunakan pengisar gancang ekabebola dengan saiz diameter bebola 50 mm, jerayun 2 mm dan frekuensi 12 hingga 30 Hz. Menggunakan tiga jisim serbuk pengisian pengisaran yang berbeza, iaitu 5, 10 dan 15 gram, didapati bahawa ketika terdapat serbuk, daya hentam menjadi lebih rendah, sementara tempoh hentaman meningkat dibanding dengan ketika tiada serbuk. Penyelidikan itu menunjukkan bahawa hentaman di antara bebola dengan plat adalah dipengaruhi oleh dos pengisaran, dan masa pengisaran yang lebih singkat diperlukan untuk mendapatkan darjah kehalusan yang sama. Varina et al. (2010), menyatakan bahawa tenaga proses pengisaran sangat dipengaruhi oleh saiz awal butiran zarah dan jisim bebola. Selain itu, tempoh proses pengisaran turut mempengaruhi kualiti pengecilan saiz butiran zarah. Fuerstenau et al. (2010) mendapati bahawa kadar proses pengecilan butiran zarah pada sesuatu bahan ditentukan oleh ciri dan jenis butiran yang dikisar. Oleh itu, isipadu butiran zarah yang dikisar harus dikira secara teori bagi memperoleh proses pengisaran yang berkesan dan cekap.

Ward et al. (2005), menggunakan pengisar goncangan model SPEX dan mendapati bahawa prestasi kerja pengisaran adalah berkadaran dengan jisim serbuk, iaitu berdasarkan umus pengiraan dos

$$\text{pengisaran } Dm = \frac{W}{mp} \approx \frac{n_{\text{coll}} E_{\text{coll}} t}{mp}$$

Di sini :

D_m : Dos pengisaran

W : Prestasi kerja

m_p : Jisim serbuk

n_{coll} : Bilangan hentaman

E_{coll} : Kuasa hentaman

t : Masa pengisaran

Dos nisbah pengisian serbuk pengisaran (CR), di antara prestasi kerja dengan jisim serbuk yang digunakan adalah CR 2.5, CR 5, dan CR 10.

Chen et al. (2005) pula menggunakan pengisar goncangan model SPEX, dengan menggunakan

rumus pengiraan dos pengisaran $Dm = \frac{E_d t}{m_p} \approx \frac{m_b t}{m_p} = CR$

Di sini :

D_m : Dos pengisaran

E_d : Kuasa hentaman jisim bebola

t : Masa pengisaran

m_p : Jisim serbuk

m_b : Jisim bebola

CR : Nisbah pengisian serbuk pengisaran

Uji kaji mereka menggunakan tiga nilai nisbah pengisian serbuk pengisar, iaitu CR = 2.5, 5 dan 10. Selain itu, mereka juga mengandaikan bahawa dos pengisar tidak dipengaruhi secara langsung oleh nisbah serbuk dengan bebola pada kaitannya dengan masa.

Magini dan Iasonna (1996) dalam kajian mereka terhadap pengisar bebola model planet, membuktikan bahawa dengan kehadiran serbuk, hentaman semasa proses pengisaran menjadi tidak kenyal dan kuasa secara keseluruhan dipindahkan ke serbuk tersebut, dan ini menyebabkan daya hentaman berkurang. Jayasundara et al. (2010) mengkaji beban isipadu bahan butiran zarah yang berkadar pada proses pengisaran terimbang terhadap masa pengisaran dan halaju putaran didapati hasil pengecilan butiran zarah yang selari.

2. 5. 2 Halaju Pengisaran

Semakin laju putaran atau getaran pengisaran maka semakin besar kuasa hentaman terhadap serbuk. Namun begitu ia masih mempunyai had kelajuan, (Suryanarayana, 2001), Apabila halaju melebihi had kelajuan, maka proses ini tak akan berjalan dengan sempurna. Magini et al. (1995) mengatakan bahawa ketika halaju putaran pengisar bebola planet meningkat 200 hingga 710 rpm, maka daya hentaman bebolanya akan meningkat. Hal ini akan mempengaruhi pengecilan butiran saiz zarah. Kajian Kano dan Saito (1998) dan Mio et al. (2002) juga memperoleh keputusan yang sama dengan kajian Magini et al. (1995) dan ia ditunjukkan dalam hubungan grafik di antara tenaga hentaman bebola dan kelajuan putaran. Sementara itu, Mio et al. (2004), menggunakan diameter pembahagi pembetulan normal, contoh atau sampel dan meningkatkan masa berkesan pengisaran.

Huang et al.(1997) membincangkan pengaruh kelajuan pengisar getaran terhadap frekuensi hentaman dan daya hentaman. Hasil menunjukkan bahawa semakin tinggi kelajuan pengisar, maka semakin tinggi frekuensi hentaman dan purata daya hentaman juga meningkat. Halaju pengisaran yang digunakan adalah di antara 800 rpm hingga 1200 rpm, dan menggunakan teknik songsang, iaitu halaju pengisaran berkadaran langsung terhadap daya hentaman. Peng et al. (2009) menyatakan keadaan sudut jerayun maksimum bebola dan isipadu butiran zarah berpengaruh terhadap daya hentaman proses pengisaran. Disebabkan, peningkatan isipadu butiran zarah berpengaruh terhadap sudut jerayun bebola dalam jar yang semakin kecil dan daya hentaman bebola kecil, maka ia perlu dikira secara teori. Rajamani et al (2000) dalam kajian mereka tentang pengisar pengikis menemukan bahawa apabila frekuensi pengisaran meningkat, maka gerakan hentaman adalah berbeza – beza, yang bererti bahawa agihan zarah adalah lebih baik dalam jar.

2. 5. 3 Bekas Pengisaran

Bekas pengisar seperti jar dan mangkuk merupakan pembolehubah penting yang perlu dipertimbangkan semasa pemilihan alatan (Suryanarayana, 2004). Tujuannya ialah untuk mencegah pencemaran di antara saluran pada bekas dengan serbuk itu sendiri. Oleh itu, saluran pada bekas dan serbuk seharusnya diperbuat daripada bahan yang sama.

Selain bahan bekas, bentuk bekas juga penting. Daripada penyelidikan Chen et al. (2005) dan Ward et al. (2005), mereka menggunakan pengisar goncangan model SPEX 800 dengan bentuk permukaan atas yang tertutup dan permukaan bawah yang mendatar. Permukaan bawah yang mendatar adalah lebih baik

daripada yang berhujung tumpul dan bulat (Suryanarayana, (2004). Selain itu, terbukti juga bahawa proses pencampuran akan lebih berkesan pada permukaan yang mendatar. Selain itu, ketinggian bekas jar juga merupakan faktor penting. Ketinggian haruslah dipilih dengan tepat demi kepentingan kajian. Ketinggian pengisar goncangan dalam kajian Huang et al. (1998) adalah di antara 6 hingga 250 mm. Mio et al. (2002) pula memilih ketinggian di antara 32 hingga 65 mm untuk pengisar bebola planet dan Gavrilov et al. (1999) menggunakan ketinggian goncangan sebesar 103 mm. Fengnian et al (2009) menyatakan bahawa proses pengisaran yang menggunakan jar arah menegak dan eksbebola, maka kuasa tenaga pengisaran adalah lebih berkesan berbanding dengan jar dalam kedudukan miring. Hal ini kerana geseran dinding jar dan bebola adalah lebih besar.

2. 5. 4 Masa Pengisaran

Masa pengisaran merupakan faktor yang sangat penting, yang harus dipertimbangkan. Suryanarayana (2004) mengatakan bahawa apabila masa pengisaran terlalu lama, pencemaran dan suhu akan meningkat, dan mungkin hasil keluaran tidak seperti yang diharapkan. Oleh itu, beberapa kajian dijalankan untuk meningkatkan keupayaan proses pengecilan saiz zarah serbuk logam yang berkesan secara mekanik. Kano dan Saito (1998), membuktikan bahawa pengecilan saiz zarah mempunyai hubungan langsung dengan masa pengisaran. Proses pengecilan saiz zarah akan lebih berkesan apabila masa pengisaran adalah pendek.

2. 5. 5 Pekali Pemulihan

Pekali pemulihan adalah nisbah halaju bebola yang jatuh, iaitu bermula daripada ia menyentuh suatu permukaan sehingga ia meninggalkan permukaan itu. Dalam proses pencampuran mekanik, nilai pekali pemulihan akan mempengaruhi jumlah dan fasa hentaman. Pada peringkat awal, Huang et al. (1997) hanya menganggarkan nilai pekali pemulihan bagi pengisar getaran. Setahun kemudian, Huang et al. (1998) melakukan kajian jatuh bebas untuk mengetahui pekali pemulihan bagi ujian hentaman. Mereka menggunakan alatan pemindah aruh daya untuk memantau daya hentaman yang boleh mencatatkan perbezaan selisih masa di antara dua hentaman secara berterusan. Hasil kajian mendapati dua faktor yang mempengaruhi pekali pemulihan, iaitu dos pengisaran dan halaju hentaman. Pekali pemulihan akan semakin kecil apabila dos pengisaran semakin tinggi dan halaju hentaman semakin rendah. Matthew et al. (2009) menyatakan bahawa dalam proses pengecilan saiz butiran zarah menggunakan getaran bebola,

pekali pemulihan berpengaruh terhadap tenaga daya hentaman kerana dedenyut bebola turut menentukan nilai daya pelanggaran. Selain itu, halaju putaran dan masa pengisaran berpengaruh terhadap proses pengecilan saiz butiran zarah.

Nilai pekali pemulihan yang tepat sukar pada halaju hentaman yang sangat rendah dan dos pengisaran yang sangat tinggi. Hal ini disebabkan ketinggian jatuh yang lebih rendah daripada yang disyaratkan. Selain itu, Ward et al. (2005) menggunakan DEM dan penilaian ujikaji dengan pegas engsel separuh untuk mengukur nilai pekali pemulihan. Manakala, Chen et al. (2005) menggunakan dapatan Ward et al. (2005) untuk memilih pembolehubah pekali pemulihan pada julat 0.5 hingga 0.8 untuk penyelidikan mereka.

2. 5. 6 Jenis dan Dimensi Pengisar Bebola

Terdapat pelbagai jenis bahan yang lazim digunakan dalam proses pengecilan saiz zarah secara mekanik, antaranya keluli keras, keluli perkakas, dan keluli kromium keras. Suryanarayana (2004), menyatakan bahawa pengisar sederhana yang sangat tepat ialah mendapatkan pencanaian saluran pada bekas dan pengisaran sederhana yang diperbuat dari bahan yang sama seperti serbuk yang dikisar untuk menghindari pencemaran silang. Selain itu, penggunaan pelbagai saiz bebola sangat penting dalam proses pengecilan saiz butiran zarah. Kano dan Saito (1998), menggunakan bahan keluli tahan karat dan kaedah unsur zarah terapan untuk mensimulasikan atau merangsang gerakan bebola semasa pengisaran. Dalam kajian ini ditemui bahawa jika jumlah bebola bertambah, maka kesan butiran zarah semakin berkurangan. Ditemui juga bahawa bebola bersaiz kecil mempunyai hentaman yang lebih berkesan terhadap butiran zarah serbuk, jika dibandingkan dengan bebola bersaiz besar.

Chen et al. (2005) juga menggunakan pelbagai diameter bebola daripada keluli terkeras. Menurut kajian Chen et al. (2005), mereka menggunakan DEM untuk mengkaji dinamik pengisaran berdasarkan gerakan bebola pengisaran. Hasil kajian simulasi dan berangka yang dijalankan oleh Chen et al. (2005) mendapati bahawa hentaman langsung yang lebih besar diperolehi daripada penggunaan bebola bersaiz kecil. Perlanggaran langsung didapati lebih signifikan untuk memaparkan kemajuan pengisaran bercanggah dengan penyelidikan – penyelidikan Kano dan Saito (1998). Ward et al. (2005) selanjutnya bersetuju bahawa frekuensi perlanggaran adalah berkadar terhadap jumlah bebola. Akan tetapi mereka tidak yakin dengan penemuan (Suryanarayana, 2005) tentang penggunaan pelbagai saiz bebola dalam

proses pengisaran yang menggunakan saiz jar yang sama. Huang et al (1998) juga menemui bahawa tenaga hentaman semakin meningkat apabila saiz bebola semakin besar.

2.6 Proses Reka Bentuk Alatan

Proses reka bentuk ialah proses yang bermula dengan pengenalpastian keperluan, diikuti dengan ujian kelayakan serta analisis akhir reka bentuk. (Ertas, 1993). Oleh itu, harus difahami sebaiknya sistem alatan yang akan digunakan, agar ia menepati kehendak dan matlamat kerja. Fasa reka bentuk adalah merupakan kerja utama dan paling asas yang harus dilakukan oleh seseorang penyelidik. Ia melibatkan suatu rangkaian aktiviti pengiraan maklumat yang dikenal pasti dan diterjemahkan dalam bentuk pengiraan, penyaringan, pengelasan yang lengkap serta penambahbaikan yang boleh dilakukan (Poli, 2001). Aktiviti ini perlu dilakukan dan disertakan dalam kertas kerja perancangan sebelum sebarang uji kaji dilakukan.

Terdapat beberapa proses penting yang perlu diberi perhatian ketika melakukan reka bentuk alatan.

1. Konsep asas reka bentuk.
2. Bentuk bahagian yang direka bentuk
3. Parameter / saiz reka bentuk
4. Subbahagian reka bentuk

Dalam mereka bentuk suatu sistem alatan, sokongan daripada sistem alatan yang lain juga diperlukan bagi membolehkan ia berfungsi sebagaimana yang diperlukan. Dari pelbagai komponen, ia disatukan untuk membentuk suatu sistem alatan yang saling berkait. Oleh itu, akan terdapat beberapa masalah konsep yang saling berkaitan dan menjadi titik temu pada reka bentuk kejuruteraan (Ulrich, 2003) yang meliputi :

1. Hasil
2. Subbahagian hasil

pdfMachine

A pdf writer that produces quality PDF files with ease!


Produce quality PDF files in seconds and preserve the integrity of your original documents. Compatible across nearly all Windows platforms, if you can print from a windows application you can use pdfMachine.

Get yours now!

3. Bahagian dalam hasil

Bagi konsep reka bentuk kejuruteraan pada hasil yang mempunyai subbahagian, pemasangan bagi susunan komponen akan meliputi modul dan piawai tertentu. Komponen terkecil pada reka bentuk diberi suatu ketetapan yang meliputi pembesaran saiz, toleransi dan maklumat lengkap bahan yang akan digunakan (Crowson, 2006). Dalam proses reka bentuk pembuatan, asas reka bentuk akan menjadi panduan dalam rekabentuk, yang selanjutnya berhubungan dengan kejuruteraan dan analisis. Ini akan bertindak sebagai masukan pada rekabentuk, sehingga memperoleh komponen-komponen terkecil pada rekabentuk yang menyokong proses rekabentuk pembuatan dalam hal spesifikasi perkakas dan bahan.

Rajah 2.1 menunjukkan carta aliran bagi proses reka bentuk pembuatan dan yang akan dipakai di dalam penyelidikan ini.




Rajah 2.1 Rangkaian sistem yang saling berkait dalam reka bentuk pembuatan

Dalam sistem ini terdapat tiga faktor yang saling berhubungan untuk memperoleh hasil yang diinginkan, iaitu bentuk, bahan dan kaedah pembuatan (Wakil, 1998)

Rajah 2.2 menunjukkan fungsi reka bentuk pembuatan untuk membina suatu hasil yang boleh berfungsi dengan baik. Kualiti hasil ditentukan bentuk dari hasil juga akan dipengaruhi oleh reka bentuk yang dilakukan dalam pembuatan. Kaedah yang dirancang untuk pembinaan pembuatan akan

mempengaruhi hasil. Dalam hal penggunaan bahan, ia berperanan menentukan kaedah pembinaan reka bentuk



Rajah 2. 2 Rangkaian reka bentuk hasil pembuatan

Hasil reka bentuk akan ditentukan oleh beberapa faktor. Oleh yang demikian, reka bentuk pembuatan dimulakan dengan fungsi reka bentuk sehingga menghasilkan hasil, yang dipengaruhi oleh tiga unsur yang saling berpengaruh terhadap hasil. Oleh itu, berdasarkan rajah 2. 1, proses mereka bentuk dimulakan dengan konsep gagasan berdasarkan penemuan dalam BAB 2. Seterusnya, berdasarkan pertimbangan teori, pengisar serbuk logam yang akan digunakan dijelaskan dalam subtopik seterusnya.

2. 7 Pertimbangan Teori Pengisar Serbuk Logam

Proses pengecilan saiz butiran zarah logam menggunakan bebola keluli boleh dilakukan dalam beberapa cara, antaranya pengisar goncangan model SPEX, pengisar model bebola planet dan pengisar model bebola goncangan menegak. Setiap jenis pengisar mempunyai kelebihan dan kekurangan.

Dalam pengisar goncangan model SPEX, bebola kelulinya bergetar ke belakang dan ke depan dengan gerakan mendatar, malahan ada juga dalam goncangan tmenegak ke atas dan ke bawah. Sistem pengisar ini menggunakan pelbagai saiz bebola keluli untuk pengisaran. Kelebihan pengisar goncangan model SPEX meliputi :

1. Daya hentaman bebola keluli mudah diperolehi.